

GARIS PANDUAN

KAEDAH PEROLEHAN PIHAK PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA

PRINSIP PEROLEHAN

- ▶ **Akauntabiliti**
 - Urusan perolehan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab.
- ▶ **Diuruskan secara telus**
 - Proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum.
 - Isytihar kepentingan semasa perolehan dibuat.
 - Tarik diri daripada proses perolehan sekiranya ada kepentingan dengan pembekal.
- ▶ **Nilai Faedah Terbaik**
 - Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
- ▶ **Saingan Terbuka**
 - Proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing.
- ▶ **Adil dan Saksama**
 - Sesuatu perolehan itu hendaklah dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama

TADBIR URUS BAIK

- ▶ **Peruntukan @ Had Nilai Perolehan**
 - Semua bajet (peruntukan) hendaklah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Agung (AGM/EGM).
- ▶ **Integrity Pact**
 - Semua pihak yang terlibat dengan perolehan hendaklah menandatangani suatu Surat Perakuan Integriti.
- ▶ **Notis Pemakluman**
 - Pihak Pengurusan hendaklah mempamerkan semua notis pelawaan dan keputusan sebutharga / tender di tempat umum (papan kenyataan badan)
- ▶ **Daftar Pembekal**
 - Pengurusan JMB/MC, hendaklah menyimpan dan menyelenggara satu rekod daftar prestasi pembekal.



KAEDAH PEROLEHAN

Pembelian Tunai Runcit (Petty Cash)

- Setiap bil ≤ RM500.00
- Had : ≤ RM3,000.00

Pembelian Terus

- Had : ≤ RM3,000.00

Sebutharga

- Had : ≤ RM100,000.00
- 3 tawaran sebutharga
- Pamer di papan notis

Tender

- Had : > RM100,000.00
- Pamer di papan notis
- 1 iklan akhbar utama BM/BI

Kecemasan

- Had : > RM10,000.00 atau 20% daripada anggaran bajet tahun semasa yang mana lebih tinggi
- Sekiranya perbelanjaan melebihi had nilai, hendaklah dimaklumkan di dalam AGM

NOTA

- Nilai bagi setiap perolehan merupakan threshold yang boleh dikesatkan oleh Badan Pengurusan JMB/MC

PERINGATAN

- Pihak pengurusan hendaklah melaksanakan perolehan mengikut kaedah yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Perolehan (GP) ini.
- Kegagalan mematuhi GP ini boleh disiasat di bawah Akta / Perundangan di bawah bidang kuasa SPRM/PDRM sekiranya berlaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan pecah amanah.



KPKT

Bahagian Perkhidmatan Perbandaran,
Aras 27, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya

Tel: 603 - 8891 5000
Faks: 603 - 8891 4332/5048



www.kpkt.gov.my